

16/02/1997

Keruntuhan akhlak remaja isu nasional

A Nazri Abdullah

SEMINGGU selepas akhbar ini menyiarkan laporan khas mengenai kegiatan kongsi gelap di kalangan pelajar sekolah, masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja, khususnya remaja Islam, muncul sebagai isu penting yang turut menjadi bahan khutbah Jumaat. Selepas berucap panjang lebar di persidangan khas di Pusat Islam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menyentuh isu kejatuhan akhlak remaja Islam dalam ucapan Selamat Aidilfitri. Hampir semua menteri dan badan yang ada kaitan dengan remaja turut membahaskan perkara ini.

Maka bermacam-macam idea dan cadangan dikemukakan. Menteri Pendidikan dengan formulanya, Menteri Belia dan Sukan ada rancangannya sendiri, Pemuda Umno pun turut tumpang sekaki dengan kenyataan yang berdegar-degar untuk buat itu dan ini. Semuanya bersemangat sehingga kerajaan negeri pun turut mengatur langkah sendiri menyerbu hotel dan pangsapuri untuk membasmikan penyakit sosial ini. Isu ini menjadi gah apabila ratusan belia Islam ditangkap di kelab malam menghisap dadah dan pil khayal, merayau di kompleks beli-belah mencari bohsia, bohjan dan sebagainya.

Kes pelajar lelaki berusia 14 tahun dari Sekolah Menengah Datuk Abdul Rahman Yasin, Tampoi yang ditemui mati kerana dipukul oleh kumpulan kongsi gelap di kalangan pelajar sekolah, turut menggamatkan lagi isu ini. Kes ini amat menyayat hati bukan saja ibu bapa Zulkarnain Abdul Rahim, tetapi juga ibu bapa lain, guru-guru dan masyarakat keseluruhannya. Peras ugut di kalangan pelajar sekolah bukan lagi kes baru kerana sudah beberapa tahun kes seperti ini didedahkan tetapi tindakannya masih lemah.

Sebenarnya keruntuhan akhlak bukan terhad kepada remaja Melayu dan Islam saja. Isu yang sama lebih ketara di kalangan remaja bukan Islam. Bagaimanapun, pandangan masyarakat agak berbeza-beza. Remaja bukan Islam berjalan berdua-duan berpegang tangan di khalayak ramai tidak dilihat sebagai sumbang. Remaja bukan Islam yang meminum arak, bermain judi atau berpelesenan di kelab-kelab malam tidak dipandang rosak akhlaknya kerana masyarakat beranggapan itu budaya hidup mereka. Gadis Melayu yang membuang anak dipandang jijik, sedangkan ratusan, mungkin ribuan gadis bukan Islam yang menjadi pelacur dan menggugurkan anak tidak dipandang sebagai jatuh akhlaknya.

Kita melihat isu keruntuhan akhlak ini sebagai isu nasional yang memerlukan pendekatan menyeluruh tanpa mengira kaum dan agama. Memandangkan pergaulan muda-mudi pelbagai kaum sudah menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat Malaysia, sebarang langkah memerangi gejala keruntuhan akhlak tidak akan memberi kesan jika sasarannya ditumpukan kepada remaja Islam saja. Sebarang program dan tindakan undang-undang mestilah merangkumi semua remaja kerana matlamat kita ialah memastikan golongan remaja semua kaum membesar menjadi generasi dewasa yang berakhlak dan berhemah tinggi.

Perkara ini tidak sukar dilaksanakan kerana tidak ada agama yang membenarkan anak muda bersekedudukan, hidup berfoya-foya dan menjadi gangster. Masyarakat bukan Melayu pasti menyokong pendekatan ini kerana selama ini pun MCA melalui biro pengaduannya terpaksa menangani pelbagai kes keruntuhan akhlak di kalangan masyarakat Cina. Masyarakat India juga tidak terkecuali, cuma kerana peratusannya kecil gejala ini mungkin tidak diberi perhatian penting oleh MIC.

Kita memerlukan kekuatan politik untuk memerangi isu ini. Ia tidak harus dijadikan agenda Umno saja kerana kegawatannya turut berlaku dalam

masyarakat bukan Melayu. Barangkali isu ini boleh dibincangkan di peringkat pimpinan Barisan Nasional (BN) supaya satu program yang menyeluruh dapat dikemukakan untuk tindakan bersama. Objektifnya mestilah sama, cuma pendekatannya mungkin berbeza mengikut kaum.

Kita mempunyai kemudahan dan kemampuan untuk melaksanakan program raksasa memerangi gejala ini cuma yang kurang ialah iltizam. Jika isu ini dilihat sebagai isu nasional yang membabitkan semua kaum, maka setiap menteri, setiap agensi dan setiap institusi agama mestilah memberi keutamaan kepada isu ini.

Kita sudah lama bertanya apakah pembangunan bandar-bandar baru, kawasan perumahan dan rekreasi di negara ini mengambil kira keperluan remaja? Kita tidak seharusnya meletakkan tanggungjawab menangani masalah remaja kepada Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan sahaja kerana masyarakat remaja mewakili hampir separuh daripada rakyat Malaysia.

(END)